236

**NO. SOALAN : 182**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **BUKAN LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **YB PUAN ALICE LAU KIONG [LANANG]** |
| **SOALAN** | **:** | **182** |

**YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

(a) berapakah jumlah projek PR1MA yang telah dilaksanakan di negeri Sarawak dan khususnya di Sibu; dan

(b) berapakah peratusan pencapaian setakat ini.

b) Terdapat seramai 146 orang guru dari Sibu sedang berkhidmat di luar negeri Sarawak. Pecahan mengikut negeri Johor (47 orang), Kedah (2 orang), Melaka (1 orang), Negeri Sembilan (7 orang), Pahang (2 orang), Perak (5 orang), Pulau Pinang (4 orang), Sabah (13 orang), Selangor (36 orang), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (26 orang) dan Wilayah Persekutuan Labuan (3 orang).

RT12/181

238

RT12/181

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:

(a) berapakah bilangan guru-guru dari Sarawak khususnya dari Sibu yang telah ditempatkan di negeri Sarawak; dan

(b) berapakah banyak lagi guru dari Sarawak khususnya dari Sibu yang masih ditempatkan di negeri lain dan nyatakan negeri yang ditempatkan itu.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

a) Terdapat seramai 4,619 guru berasal dari Sibu yang sedang berkhidmat. Dari kalangan guru tersebut terdapat 3,579 sedang berkhidmat di Sibu manakala seramai 894 berkhidmat di daerah-daerah lain di negeri Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

(a) berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2013 hingga 30 September 2017, sebanyak 372 permohonan kewarganegaraan Malaysia yang dikemukakan melalui JPN Negeri Sarawak sedang dalam pertimbangan dan penelitian Kementerian ini.

(b) selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 2, Akta Pasport 1966 [Akta 150], setiap individu yang ingin memasuki Malaysia perlu mengemukakan pasport kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Dalam hal ini, bagi individu yang bertaraf bukan warganegara, pasport yang dikemukakan hendaklah mempunyai visa yang sah.

Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai kemasukan individu bertaraf bukan warganegara ke Semenanjung Malaysia bagi tujuan pendidikan dan pekerjaan, individu tersebut mestilah mengemukakan pasport negara asal dan mematuhi prosedur keluar masuk yang telah ditetapkan oleh JIM. Selain itu, khusus bagi tujuan pekerjaan, individu tersebut perlulah terlebih dahulu mengemukakan permohonan kebenaran bekerja daripada JIM.